

SEKITAR RAMADAN

Jamiyah agih kurma buat semua

Jun 02, 2017 | 05:30 AM



0



Kongsi



KONGSI SEMANGAT RAMADAN: Seramai 13 pelajar Pusat Pendidikan Jamiyah membantu mengagihkan kurma dan penanda buku kepada orang ramai, termasuk bukan Islam, di stesen MRT Paya Lebar dan Eunos baru-baru ini. - Foto M.O. SALLEH

JAMIYAH Singapura mengagihkan kurma kepada orang ramai di dua stesen MRT sempena Ramadan, baru-baru ini.

Usaha tersebut melibatkan 13 pelajar diploma sepenuh masa dalam jurusan syariah dari Pusat Pendidikan Jamiyah.

Mereka turun padang memberi kurma di stesen MRT Eunos dan Paya Lebar.

Sebanyak 785 paket kurma diagih pada hari tersebut.

Menurut Jamiyah, tujuan inisiatif itu ialah mempertingkatkan kesedaran orang ramai, tanpa mengira bangsa dan agama, mengenai bulan suci Ramadan.

Selain itu, ia mahu menggalak persefahaman antara agama dalam kalangan budaya dan kepercayaan yang pelbagai di Singapura.

Pengerusi Pusat Pendidikan Jamiyah, Dr Hussin Mutalib, berkata inisiatif tersebut menyebarkan semangat dan kemurniaan Ramadan dan mklumat mengenai ibadah puasa kepada semua, termasuk orang bukan Islam.

"Maka itu, selain beberapa biji kurma yang kami hulurkan kepada mereka yang kami temui di MRT Eunos dan Paya Lebar, kami ikatkan juga penanda buku yang mengandungi beberapa untaian kata-kata mutiara mengenai kelebihan dan keistimewaan berpuasa - dari segi spiritual, kesihatan, sosial, dan sebagainya," kata beliau.

<http://www.beritaharian.sg/setempat/jamiyah-agih-kurma-buat-semua>